

SUMBANGAN MADRASAH MUHAMMADIAH DAN MADRASAH RAHMANIAH DALAM KELESTARIAN PENGAJIAN TURATH DI KELANTAN

THE CONTRIBUTION OF MADRASAH MUHAMMADIAH AND MADRASAH RAHMANIAH IN THE SUSTAINABILITY OF TURATH STUDIES IN KELANTAN

Ahmad Murshidi Mustapha ¹
Mohd Miqdad Aswad Ahmad ²
Mohd Nazri Mat Zin ³
Zainuddin Che Seman ⁴

¹ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, (Email: ahmadmurshidi@uitm.edu.my)

² Pegawai Eksekutif Kanan, Unit Hal Ehwal Islam, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, (Email: miqdad@uitm.edu.my)

³ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, (Email: nazri743@uitm.edu.my)

⁴ Pensyarah, Fakulti Syariah Dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antara Bangsa Selangor, (Email: zainuddin@kuis.edu.my)

Article history

Received date : 11-10-2022
Revised date : 12-10-2022
Accepted date : 5-12-2022
Published date : 10-12-2022

To cite this document:

Mustapha, A. M., Ahmad, M. M. A, Mat Zin, M. N., & Che Seman, Z. (2022). Sumbangan Madrasah Muhammadiyah Dan Madrasah Rahmaniah Dalam Kelestarian Pengajian Turath Di Kelantan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(50), 65 - 81.

Abstrak: Pondok merupakan institusi yang sinonim dengan pengajian kitab-kitab turath. Institusi ini bukan sahaja menjadi kesinambungan sistem halaqah yang dijalankan di awal-awal Islam, bahkan ia menekankan aspek kerohanian, akhlak serta pendidikan sepanjang hayat. Institusi pondok sudah tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat Kelantan kerana ia telah bertapak di Kelantan dari awal penyebaran Islam di Tanah Melayu. Kelantan dengan jolokan serambi Mekah antara negeri yang terawal dalam mempelopori pengajian Islam melalui institusi pondok. Namun, kerana faktor perkembangan pendidikan semasa dan juga ketiadaan pengganti untuk meneruskan legasi institusi ini, maka sesetengah pondok tidak mampu bertahan lama dan terpaksa ditutup. Hal ini lebih ketara ketika berlakunya penjajahan ke atas Tanah Melayu dan berlanjutan sehingga selepas kemerdekaan. Situasi tersebut memberi kesan dalam banyak aspek terutama dalam pengajian turath yang menjadi tunjang kepada institusi pondok. Dengan kesedaran daripada pelbagai pihak, pengajian turath mula dimartabatkan kembali dan institusi pondok terus dibangunkan dengan fasiliti yang selaras dengan perkembangan semasa. Usaha ini membuka kembali mata masyarakat untuk menerima konsep pengajian turath serta menerima keberadaan institusi pondok dalam kelompok institusi pengajian di Malaysia.

Kata kunci: *Sumbangan, Madrasah Muhammadiyah, Madrasah Rahmaniah, Kelestarian, Pengajian Turath.*

Abstract: *The pondok is an institution synonymous with the study of turath books. This institution is not only a continuation of the halaqah system carried out in the early days of Islam, but it also emphasizes the spiritual, moral and educational aspects of life. The pondok institution is familiar to the Kelantanese community as it has been established in Kelantan from the beginning of the spread of Islam in Malaya. Kelantan with the nickname of Mecca porch among the earliest states in pioneering Islamic studies through pondok institutions. However, due to the current educational development and the absence of a replacement to continue the legacy of this institution, some pondoks were unable to survive for a long time and had to be closed. This was more evident during the occupation of Malaya and continued until after independence. The situation has had an impact in many aspects especially in the study of turath which is the mainstay of the cottage institution. With the awareness from various parties, turath studies began to be reinvigorated and the pondok institution continued to be developed with facilities that were in line with current developments. This effort reopened the public's eyes to accept the concept of turath studies as well as to accept the existence of cottage institutions in the group of educational institutions in Malaysia.*

Keyword: *Contribution, Madrasah Muhammadiyah, Madrasah Rahmaniah, Sustainability, Turath Studies*

Pendahuluan

Pendidikan dalam Islam adalah bersepadu dalam rangkuman seluruh kehidupan manusia. Sebagai disiplin ilmu yang lengkap, Islam menekankan pendidikan untuk kebahagiaan duniawi dan ukhrawi (Ahmad Munawar Ismail et. al., 2012). Pendidikan juga merupakan asas dalam kemajuan individu mahupun masyarakat. Masyarakat yang mementingkan ilmu akan menjadikan negara mereka maju dan aman. Dalam konteks agama Islam, penganutnya dianjurkan dan dititikberatkan mengenai pendidikan bermula dari saat kelahiran lagi. Pembentukan ummah yang maju dari sudut rohani dan jasmani adalah berdasarkan penerapan pendidikan yang selaras dengan kehendak agama. Institusi pendidikan dalam Islam bermula dari skop yang kecil lagi iaitu di rumah dan seterusnya berkembang kepada bentuk yang pelbagai.

Di Malaysia, pendidikan Islam merupakan salah satu daripada elemen penting dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai platform kepada pembangunan rohani, emosi serta intelektual. Institusi awal untuk penerapan pendidikan Islam secara bersistem adalah institusi pondok (Asmawati Suhid et. al., 2015). Institusi ini tidak asing lagi dalam mencorakkan keperibadian ummah berdasarkan ilmu yang sebenar. Bermula daripada konsep pengajian, matlamat, sukatan serta metode pengajaran dan pembelajarannya, institusi ini dilihat mampu menerobosi zaman dengan penyertaan masyarakat yang memberangsangkan sehingga kini. Pondok sebagai satu institusi merupakan komuniti yang unik dengan ciri-cirinya yang tersendiri. Sistem pengajaran dan pembelajaran lazimnya dalam tiga bentuk, iaitu syarahan, hafalan dan halaqah. Kaedah-kaedah tersebut adalah daripada kelestarian pengajaran yang menjadi amalan Rasulullah saw, para Sahabat dan ulama silam (Ahmad Munawar Ismail et. al., 2012). Bentuk pengajian ini berkonsepkan sistem halaqah dengan berpandukan kepada kitab-kitab yang disusun oleh para ulama silam dalam pelbagai disiplin ilmu. Sistem ini juga lebih dikenali dengan pengajian turath kerana metode dan silibus yang digunakan masih mengekalkan elemen-elemen asal yang telah digunakan oleh para ulama silam.

Institusi Pengajian Pondok

Menurut Mohd Izzuddin dan Mohamad Zaini (2013), perkataan pondok diambil daripada perkataan Arab iaitu *funduq* yang bermaksud tempat menginap. Hal ini sesuai dengan situasi institusi pondok yang didirikan pondok-pondok kecil sebagai tempat tinggal sepanjang pengajian di sana. Berbeza tempat maka berbeza panggilan bagi pondok. Nama ini masyhur di Malaysia sejak dari dahulu lagi, manakala di Indonesia dipanggil dengan beberapa nama iaitu pasentren, pejantren, rangkang dan surau. Sekalipun berbeza pada nama, konsep pengajian masih sama dengan pewarisan cara *halaqah* melalui kitab-kitab *turath*. Terdapat tiga komponen asas yang menunjangi sesebuah institusi pengajian pondok, iaitu Tuan Guru (Tok Guru), masjid (surau), dan pondok. Ciri ini terdapat di setiap institusi pengajian pondok, khususnya di Malaysia (Ramli Awang, 2006).

Di alam Nusantara, institusi pondok bermula apabila ulama Acheh melarikan diri ke tempat lain termasuk Patani semasa berlakunya peristiwa Perang Paderi dan Perang Atjeh di Sumatera. Pendapat daripada Abdullah Taib ini bertentangan dengan keputusan *Wilayah Dua dan Pendidikan di Kawasan Selatan*, Jabatan Pendidikan Thailand, yang mengatakan bahawa pondok merupakan institusi pendidikan yang tertua di Asia Tenggara apabila ulama Patani telah pun melaksanakannya sejak abad ke-12 M lagi. Institusi ini tidak memfokuskan orientasinya kepada akhirat atau mengajar ilmu agama semata-mata, bahkan juga mengajar ilmu-ilmu yang lain (Abdul Jalil, 1996).

Di Patani, Islam menjadi agama rasmi setelah rajanya memeluk Islam pada awal kurun ke-16 dan dengan itu bermulalah kegiatan keislaman yang kuat melalui sistem pendidikan Islam secara sistem pondok yang telah membentuk masyarakat Islam dan ulama yang berpengaruh. Pondok-pondok di Patani pada kurun ke-18 dan ke-19 mempunyai kedudukan yang tinggi melalui sumbangannya yang melahirkan barisan ulama yang diiktiraf di seluruh Alam Melayu (TITAS, 2001). Kesan pengaruh keilmuan di sana telah merebak ke Tanah Melayu dan melahirkan pula sejumlah ramai ulama tempatan yang juga terdidik melalui sistem pondok di Patani seperti Tuan Tabal, Haji Wan Ali Kutan dan ramai lagi. Ringkasnya pertapakan dan perkembangan awal institusi pondok di Tanah Melayu mempunyai kaitan dengan institusi pondok di Patani dan Acheh.

Institusi Pondok Di Kelantan Sebelum Merdeka

Berdasarkan kajian Rahim Abdullah (1973), Kelantan adalah negeri yang mula-mula sekali mewujudkan sistem pondok. Orang terawal yang menyampaikan pendidikan Islam yang dapat dikesan setakat ini ialah Tuan Syeikh Haji Abdul Halim. Pengajarannya di Kelantan adalah pada akhir abad ke-18 setelah menamatkan pelajarannya di Mekah. Istana dan surau-surau dijadikan sebagai tempat untuk menyampaikan pengajarannya untuk anak-anak raja, anak-anak pembesar dan orang ramai. Beliau juga merupakan orang yang mula-mula mengajar pendidikan Islam di Kelantan secara teratur dan bersungguh-sungguh meliputi ajaran-ajaran agama yang penting khususnya yang berkaitan dengan Rukun Islam dan Rukun Iman serta soal-soal yang berkait dengan amal ibadat seharian. Pengajaran adalah dalam bentuk lisan dan kitab-kitab yang digunakan ialah kitab Jawi tulisan tangan dan juga kitab-kitab Arab. Usaha beliau diteruskan oleh anaknya iaitu Haji Yaakub dan beliau menyampaikan pelajaran menerusi cara lisan dan bertulis. Pada peringkat awal murid-murid diajar nahu dan saraf. Apabila didapati murid-muridnya mahir dalam pelajaran tersebut mereka akan diajar pelajaran yang lain seperti fiqh, tauhid, tasawuf, mantik, tafsir dan ilmu syair Arab (Abdul Halim Ahmad, 1975).

Menurut Mohd Sukeri Hamid (2004), sebelum tahun 1910M, pendidikan Islam di Kelantan dipengaruhi oleh pemikiran aliran konservatif yang datang dari Masjid Haram Mekah. Ini kerana ulama yang mencurahkan ilmu mereka ramai yang hasil dari pendidikan di sana, seperti Syeikh Abdul Halim, Tok Kenali dan Tok Padang Jelapang. Kebanjiran ulama di negeri Kelantan berlaku sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan lagi. Suasana ini telah menjadikan masyarakatnya minat kepada ilmu agama dan institusi pondok ketika itu menjadi tumpuan dalam melahirkan ilmuan-ilmuan Islam.

Pondok yang pertama didirikan di Kelantan ialah pada tahun 1820 oleh Haji Abd. Samad bin Haji Abdullah. Beliau menyampaikan ajaran agama Islam di Pulau Chondong yang terletak di Jalan Kuala Krai, 28 kilometer dari Kota Bharu. Haji Abd. Samad yang dikenali dengan nama Tok Pulau Chondong telah menjadi pelopor dalam memperkenalkan sistem pendidikan yang bercorak pondok di Kelantan. Setelah kematian beliau, pondok tersebut diteruskan oleh anaknya iaitu Haji Arshad (Mohd Roslan Mohd Nor et.al., 2012). Menurut Ismail Awang (2007), sekitar tahun 1896M bersamaan 1318H, Haji Nik Abdullah bin Haji Abdul Samad mengasaskan pondok dengan sebuah balaisah. Beliau merupakan seorang khatib dan ulama yang terbilang. Setelah kematian beliau, pondok tersebut diteruskan oleh anaknya iaitu Haji Nik Man Khatib yang dilahirkan di Kubang Pasu, Kota Bharu. Menurut Ismail Awang (2007) juga, selepas daripada penentangan Tok Janggut terhadap Inggeris pada tahun 1915, jalan di Ketereh dibuka dan Haji Hassan membuka pondok di sana sehingga mendapat sambutan daripada para pelajar dari pelbagai negeri. Dengan kemasukkan Jepun ke Tanah Melayu, pondok ini terkesan dengan kesulitan yang berlaku pada masa tersebut.

Tuan Tabal ialah Hj. Wan Ali bin Abdul Rahman dan Hj. Wan Ali Kutan yang lebih dikenali dengan nama Tok Ali Wan Kutan merupakan ulama yang sezaman di Kelantan cuma mereka berada pada tempat yang berbeza. Kedua-dua mereka antara ulama yang tersohor pada kurun ke-19 dan juga masyhur dalam penulisan kitab-kitab jawi ketika itu. Pada kurun tersebut mereka antara ulama yang dikunjungi oleh pelbagai lapisan masyarakat samada dari dalam mahupun luar Kelantan (Ahmad Zaki Berahim et.al, (2012). Menurut Abdullah al-Qari (2009), kepulangan Tok Kenali dari pengajian beliau di Mekah pada tahun 1909 menjadikan suasana ilmu di Kelantan bertambah dinamik. Beliau merupakan salah seorang ilmuan agong pada awal abad ke-20 M. Pada tahun 1910, dengan bantuan beberapa anak murid dan orang tempatan, beliau membuka pondok di Kampung Paya, Kenali.

Di antara pondok yang telah didirikan selepas tahun 1930M yang mendapat sambutan dan mempunyai bilangan murid yang ramai ialah Pondok Bunut Payong, Pondok But, Pondok Terusan Pasir Tumbuh, Pondok Lubuk Tapah, Pondok Sungai Durian, Pondok Kolam, Pondok Bukit Abal, Pondok Kubang Bemban dan Pondok Pa' Su Wel (Pondok Kampung Dangar) (Abdul Halim Ahmad, 1975). Selepas daripada menempuh pengajian pondok di Patani, Tanah Melayu dan juga di Mekah, beliau membuka pondok di Pulau Pisang, Badang, Kota Bharu dalam tahun 1930 an. Pondok ini tidak berkekalan lama setelah kemasukan Jepun kerana kesulitan yang dihadapi masyarakat pada masa tersebut (Ismail Awang, 2007).

Pada tahun 1931, Pondok Bunut Payong atau Madrasah Ahmadiyah telah ditubuhkan oleh Haji Abdullah Tahir (1897-1961). Pondok ini mendapat sambutan yang begitu menggalakkan daripada masyarakat tempatan dan juga luar negeri. Oleh kerana sambutan masyarakat beransur kurang mulai 1950an, sistem pendidikan pondok ini telah cuba dipersesuaikan dengan sistem persekolahan oleh Haji Abdullah Tahir. Akhirnya pada tahun 1958 terbentuklah Madrasah Sulaimiah yang merupakan lanjutan daripada sistem pondok. Setahun selepas penubuhan

Pondok Bunut Payung, Haji Abdul Rahman bin Che Wan menubuhkan Pondok Lubuk Tapah. Pondok Lubuk Tapah yang diasaskan pada tahun 1932 ini terus kekal sehingga sekarang walaupun terdapat persaingan hebat dari sekolah-sekolah kerajaan (Abdul Halim Ahmad, 1975). Pondok ini juga antara pondok yang masih lagi mengekalkan sistem pengajian pondok secara tradisi dan tidak diubah sebagaimana pondok-pondok lain yang mengikut sistem persekolahan.

Menurut Ismail Awang (2007), Haji Wan Mahmud yang merupakan mertua kepada Haji Abdul Kadir telah membuka madrasah di Kampung Melor bagi mengembangkan ilmu agama yang ada pada menantunya itu. Pembukaan pondok ini kira-kira pada tahun 1936 Masihi. Sebagai langkah pembaharuan kepada pondoknya itu, beliau mengadakan peperiksaan serta mengeluarkan sijil. Haji Mat Pauh mengembangkan pondok beliau di Kampung Pauh sehingga terdapat seratus buah pondok di sekitarnya. Kebanyakan anak murid beliau datang dari negeri Pahang. Pondok ini hanya bertahan sehingga tahun 1940 dan beliau kemudiannya berpindah ke Beris Jambu meneruskan dakwah beliau di sebuah kawasan seluas dua ekar yang dihidiahkan oleh Dato' Perdana Menteri Paduka Raja, Dato' Haji Nik Mahmud.

Sekitar tahun 1940 pula, Haji Ghazali Pulai Chondong menubuhkan pondok di Kok Lanas dan mengajar di sana sehingga tahun 1948. Beliau kemudiannya berpindah ke Kampung Galang, Pulai Chondong dan menubuhkan pondok di sana, berkembang sehingga mendapat sambutan yang ramai. Beliau yang lahir di Kampung Lati, Pasir Mas pada tahun 1916, merupakan anak kepada Haji Ismail Muhammad yang terkenal dengan panggilan 'Tok Bangkok'. Pada tahun 1942, Haji Mat Tubuh dan Haji Muhammad Salleh Pedada menubuhkan pondok masing-masing di Kampung Kemayang, Beris, Bachok dan di Kampung Bunohan, Tumpat. Haji Mat Tubuh yang dilahirkan tanpa kedua-dua belah tangan dan sebelah kaki beliau pendek tidak menjadi halangan untuk mencari ilmu dan menabur bakti pada masyarakat. Anak murid kepada Tok Kenali ini digeruni kerana keilmuan dan juga kebolehan beliau dalam berdebat. Manakala Haji Muhammad Salleh Pedada yang dilahirkan di Kampung Pedada, Thailand membuka pondok beliau setelah kembalinya dari Mekah (Ismail Awang, 2007).

Menurut Abdul Halim Ahmad (1975), di Kampung But, Kilometer 17 Jalan Kuala Krai, terdapat dua pondok yang dibuka oleh Haji Hasbullah bin Yusoff al-Karimi dan Haji Mohd Noor. Pondok Haji Hasbullah cuma hidup sehingga tahun 1942 kerana beliau telah diambil oleh Majlis Agama untuk bertugas di Masjid Muhammadi Bachok. Pondok Haji Mohd Noor terus berjalan sehingga tahun 1970, kemudian ia mengalami kemerosotan dan ditukar mengikut sistem persekolahan iaitu dengan Madrasah Saadatul Qura mengambil tempatnya. Haji Abdul Aziz bin Abu Bakar dengan saudaranya Haji Mustaffa pula telah membuka pondok di Terusan, Pasir Tumbuh pada tahun 1948. Pondok itu dinamakan Madrasah al-Diniyah al-Bakariah. Susulan selepas itu, pada tahun 1950, Haji Muhammad bin Abdullah menubuhkan sebuah pondok Darul Ulum al-Ahmadiyah di Kolam, Bachok. Pondok ini telah menjalankan dua sistem pengajaran iaitu cara pondok dan juga cara persekolahan.

Kemerosotan institusi pondok mulai berlaku dengan tertubuhnya Persekutuan Tanah Melayu (1948), dan pemelesaian pelajaran Melayu dan Inggeris di bawah penjajahan British. Ini disebabkan masyarakat Melayu moden mula menghantar anak-anak mereka ke sekolah sekular. Tambahan pula lepasan sekolah akan lebih berpeluang untuk mendapat pekerjaan (Rahim Abdullah, 1973). Sebelum kemerdekaan juga, beberapa buah pondok turut terkesan dengan kemasukan Jepun ke Tanah Melayu lantaran kesengsaraan masyarakat ketika dalam segenap aktiviti kehidupan. Walaupun begitu, pondok yang menjadi minat dan tumpuan utama

masyarakat untuk mendapatkan ilmu dan pengetahuan agama masih terus diperkembangkan terutamanya di Kelantan sehingga 1950an. Perkembangan ini mula mendapat saingan hebat daripada sistem pendidikan sekular yang dicontohi dari Barat. Kemudian institusi pondok itu telah bertukar corak untuk disesuaikan mengikut zaman dan diganti dengan institusi yang berbentuk persekolahan serta bercorak keagamaan di sesetengah tempat (Abdul Halim Ahmad, 1975). Selain itu menurut Abdullah Ishak di dalam Mashitah et al. (2015) berpandangan bahawa para pelajar yang memasuki institusi pondok tidak dihadkan atau kemasukan pada umur tertentu, sesiapa sahaja mampu memasuki institusi tersebut asalkan boleh membaca al-Quran, pandai menulis jawi atau mereka yang telah tamat pengajian agama di peringkat permulaan di kampung. Ini menggambarkan syarat atau had umur tidak menjadi syarat utama dan mempunyai kebebasan untuk belajar.

Institusi Pondok Di Kelantan Selepas Merdeka

Menurut Abdul Halim Ahmad (1975) abad ke-20 memperlihatkan kepesatan perkembangan pondok di Kelantan yang telah meliputi daerah-daerah Kota Bharu, Tumpat, Pasir Mas, Machang, Kuala Krai dan Bachok. Sebuah pondok yang maju sekali di Ulu Kelantan ialah Madrasah Muhammadiyah Sungai Durian, Kuala Krai. Pondok ini diasaskan oleh Hj. Abd. Rahman bin Sulaiman pada tahun 1957 di Bukit Enggong, Guchil, Kuala Krai dan pada tahun 1958 dipindahkan ke Sungai Durian kerana pertambahan pelajar. Pondok ini juga menjalankan dua sistem pengajaran seperti yang dijalankan oleh Madrasah Darul Ulum al-Ahmadiyah, Kolam, Bachok. Dengan perkembangan institusi pondok, sehingga tahun 1967 telah terdapat 55 buah sekolah pondok di Kelantan sekalipun pelajaran pondok telah mendapat persaingan hebat daripada pelajaran sekular. Namun demikian, pada tahun 1973 masih terdapat 54 buah pondok di Kelantan yang dapat meneruskan kegiatannya dalam bidang pendidikan Islam.

Pada awal kurun ke-20, perkembangan yang pesat bagi institusi pondok di Kelantan telah berlaku dan antara pondok yang diasas ialah Pondok Tok Pulai Chondong (1820), Pondok Tok Bachok dan Pondok Kubang Pasu, Kota Bharu (1900), Pondok Haji Abdul Malek di Sungai Pinang (1907), Pondok Haji Yusuf, Geting, Tumpat (1908), Pondok Sungai Budor, Kota Bharu, Pondok Kampung Banggol, Kota Bharu, Pondok Tuan Padang, Pondok Kampung Tok Semian (Tuan Tabal), Pondok Tok Selehor (1912), Pondok Tok Kenali (1910) dan Pondok Haji Hassan, Ketereh (1916). Peringkat seterusnya timbul beberapa buah pondok baru, antaranya Pondok Padang Jelapang, Pasir Mas (1925), Pondok Haji Hassan, Lemal, Pondok Pulau Pisang, Kota Bharu (1930), Pondok Haji Abdullah Tahir, Bunut Payung (1931) dan Pondok Lubuk Tapah (1932) (Lokman Abdullah, 2011). Menurut Md Ramly Mahmood (2005), antara daripada pondok-pondok yang ditubuhkan sekitar tahun 90an ialah Pondok Bukit Gading (80an), Pondok Gelang Mas (1987), Pondok Darul Ansar (1995), Pondok Cabang Empat Talok (1998), Pondok Sri Permai Seligi (1998), Pondok al-Muttaqin, Batu Gajah, Tanah Merah (1998), Pondok Jelo (1999).

Walaubagaimanapun, menurut Rosnani Hashim (2004), tahun-tahun selepas perang dunia kedua telah menyebabkan institusi ini menghadapi masalah kewangan. Pelbagai jabatan dan institusi Islam mengambil alih institusi pondok dan mengurus dalam bentuk persekolahan. Kesan positif dapat dilihat melalui perubahan tersebut iaitu corak pengajaran dan pembelajaran yang sistematik. Tetapi dalam masa yang sama terdapat juga kesan negatif. Antaranya para pelajar yang melalui sistem baru ini akan lebih mengejar kepada alam pekerjaan kerana diorientasikan peperiksaan dan kualiti ilmu tidak setanding dengan hasil daripada corak pengajian pondok yang asal. Ibu bapa orang Melayu lebih cenderung menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan berbanding sekolah agama.

Pengajian Turath Di Institusi Pondok

Menyorot kepada sejarah sistem pendidikan dalam Islam, dari sudut pertumbuhan dan perkembangannya adalah sangat relevan dengan masjid. Ini kerana masjid mempunyai konotasi yang bersifat global (Abdullah Muhammad Zin et. al., 2005). Struktur pengajian di masjid lebih berbentuk tidak formal dan menjadi sekolah pertama dalam sejarah pendidikan Islam. Setelah itu struktur pengajian yang lebih sistematik dan formal dapat dibentuk apabila sebuah serambi didirikan bersambungan dengan masjid yang disebut *al-suffah* (Mahayudin Yahaya, 2005). Ini bermakna fungsi masjid tidak hanya difokuskan kepada kegiatan ibadat semata-mata tetapi dilebarkan fungsinya dalam skop pengajian, pengurusan dan sebagainya.

Metode yang digunapakai oleh Rasulullah SAW berkonsepkan pengajian berbentuk *halaqah*. Beliau dikelilingi oleh para sahabat dan ilmu akan disampaikan melalui syarahan beliau berdasarkan wahyu yang diturunkan. Ditinjau dari sejarah, sistem pendidikan tinggi di dunia Islam telah melaksanakan sistem yang bersifat terbuka. Keterbukaan sistem pendidikan tinggi Islam ini dapat dilihat dari sudut kedatangan pelajar untuk menimba ilmu tanpa mengira sempadan geografi, bangsa, agama, status sosial mahupun jantina (Abdullah Muhammad Zin et. al., 2005). Keterbukaan ini memang dilakukan pada zaman Rasulullah SAW lagi yang mana para sahabat yang belajar dengan beliau meliputi lapisan umur dan jantina. Bahkan penyertaan dalam *halaqah* pengajian beliau terbuka kepada mana-mana bangsa dan tidak tertentu kepada bangsa Arab semata-mata. Asal usul pengajian pondok adalah mengambil contoh corak pengajian Nabi di Masjid Madinah yang dihadiri oleh pelajar-pelajar yang di antara mereka merupakan qabilah-qabilah yang datang dari jauh. Secara sementara, mereka mendirikan khemah-khemah di sekeliling masjid untuk pengajian dengan Rasulullah SAW. Pengajian yang berasaskan Masjid Nabawi ini juga berlaku di Masjid al-Haram yang mana pelajarnya datang dari pelbagai negara (Mohd Alwee Yusoff, 2009).

Menurut Syed Sajjad Husain & Syed Ali Ashraf (1979), setakat ini terdapat dua sistem pendidikan. Pertamanya, pendidikan tradisional yang bergantung kepada pengetahuan masa silam. Sistem ini amat bernilai untuk mendapat pengetahuan agama masa silam. Kedua, sistem yang diserapkan ke dalam negara-negara Islam yang disokong oleh pihak kerajaan adalah yang dipinjam daripada barat. Mereka yang dididik dalam sistem ini yang dikenali sebagai pendidikan moden secara umumnya meninggalkan tradisi dan warisan ilmu zaman silam yang mereka miliki. Maka konsep pengajian sistem pondok yang diamalkan di Tanah Melayu sejak dahulu sehingga kini adalah sistem tradisional dan penerusan kepada sistem yang telah digunakan pada zaman Rasulullah SAW. Sukatan asas iaitu al-Quran sememangnya diteruskan dan ditambah dengan pengajian dengan mata pelajaran-mata pelajaran yang khusus seperti tauhid, fiqh, tatabahasa Arab dan sebagainya.

Walaupun pengajian pondok dengan sistemnya yang sangat sederhana, ianya tetap mampu melaksanakan kegiatan pendidikan dan pengajaran kepada masyarakat Islam. Dalam kegiatannya sebagai sebuah institusi pendidikan Islam, pondok telah menggabungkan tiga unsur pendidikan yang terpenting, iaitu ibadat untuk menanam iman, *tabligh* untuk menyebarkan ilmu, dan amal untuk mewujudkan ajaran Islam dalam kehidupan masyarakat Islam (Ramli Awang, 2006). Menurut Md Ramly Mahmood (2005), bentuk pengajian di institusi pondok di Tanah Melayu dalam kurun ke-19 dan awal kurun ke-20 adalah diorientasikan dengan struktur pengajian tradisional iaitu bentuk pengajian secara umum dan menadah kitab secara *halaqah*. Corak pengajian yang asal di institusi ini adalah berbentuk - 'umumi. Sistem ini lebih kepada konsep keterbukaan dan inilah yang menjadikan antara faktor sesetengah pelajar memondok di sesebuah institusi pondok dengan jangka masa yang lama.

Tetapi hasil yang didapati adalah lebih berkualiti dengan kemahiran dan kepakaran dalam ilmu agama.

Pembelajaran berbentuk *umumi* ini, iaitu dengan menggunakan kitab yang mana para pelajar duduk mengelilingi tuan guru. Pembelajaran disampaikan dengan kaedah membaca kitab dan memberi huraian. Kaedah seperti ini dapat disamakan dengan kaedah kuliah atau syarahan. Selain itu, terdapat juga kaedah hafalan, yang mana tuan guru menetapkan bahagian-bahagian atau potongan ayat yang perlu dihafal oleh pelajar secara bergilir-gilir di hadapannya (Ahmad Mohd Salleh, 2008). Mohd Pakhrudin Abdullah (2003) menjelaskan bahawa sistem '*umumi*' ini juga merupakan sistem *halaqah* yang dilaksanakan dalam sistem pengajian pondok secara tradisional. Pengajian sistem ini tidak menetapkan peringkat pengajian dan tidak bergantung kepada sukatan tertentu. Bahkan sistem ini dibuat secara terbuka dan pelajar bebas memilih kelas yang ingin diikuti berdasarkan minat dan kemampuan mereka. Sistem pengajian '*umumi*' yang dimaksudkan bukanlah berupa pengajian umum yang dibuka kepada semua orang, sebaliknya hanya kepada pelajar-pelajar pondok. Kelas awam (umum), biasanya ditentukan beberapa hari dalam seminggu dengan menggunakan kitab jawi seperti *Matla' al-Badrain*, *Munyah al-Musalli* dan sebagainya (Md Ramly Mahmood, 2005). Walaubagaimanapun, masih ada sesetengah masyarakat luar ataupun setempat yang mengikuti pengajian di kelas '*umumi*' ini samada menadah kitab ataupun hanya mendengar sahaja.

Kajian Md Ramly Mahmood (2005) juga menjelaskan bahawa pada pertengahan abad ke-20 corak pendidikan Islam di sesetengah institusi-institusi pondok melalui sedikit perubahan dengan penerapan kurikulum pendidikan secara *nizami*. Menurut Mohd Pakhrudin Abdullah (2003), sistem *nizami* lebih menjurus kepada bentuk pengajian yang lebih sistematik dan teratur yang mana pelajar dikelaskan kepada beberapa peringkat pengajian tertentu mengikut tahap kebolehan dan keupayaan mereka. Perubahan ini tidak difokuskan kepada sukatan pelajaran tetapi lebih kepada penstrukturan dari segi masa pengajian, cara pengajaran dan pembelajaran dan seumpamanya.

Pada peringkat awal perkembangan pondok, mata pelajaran yang diajar hanya meliputi perkara-perkara seperti tauhid, fiqh, akhlak, hadis dan al-Quran. Manakala kitab-kitab yang digunakan kebanyakannya adalah kitab-kitab bertulisan Jawi. Setelah kepulangan Tok Kenali ke Tanah Melayu dan diikuti pula dengan penubuhan Pondok Bunut Payong, kemudian Pondok Lati, Pondok Lubuk Tapah, Pondok Kubang Bemban dan Pondok Pa' su Wel, perkembangan pondok makin dinamik. Ketika ini mata pelajaran yang diajar banyak yang menggunakan kitab-kitab Arab, dan pelajarannya pun lebih mendalam dan terperinci (Rahim Abdullah, 1973).

Fokus pengajian di sini adalah ilmu al-Quran dan Sunnah, ilmu Tauhid, Fiqh, Tarikh Islam dan Mantik (Rosnani Hashim, 2004). Rangkuman ilmu-ilmu Islam dipelajari dengan lebih mendalam apabila para pelajar berada di peringkat tinggi. Penekanan utama di institusi pondok lebih kepada penguasaan ilmu alat dan fiqh, selepas daripada ilmu tauhid. Ilmu alat yang dimaksudkan ialah ilmu-ilmu yang melibatkan kemahiran dalam menguasai bahasa Arab yang terdiri daripada ilmu Nahu, Saraf, Mantiq, Balaghah dan sebagainya. Teori-teori yang dipelajari akan diajar secara praktikal samada ketika guru membaca kitab-kitab Arab atau ketika pelajar menjadi 'kepala telaah' dalam sesebuah kumpulan pengajian untuk perbincangan ilmu yang telah dipelajari. Tuntasnya, institusi pondok menyediakan pengajian agama yang menyeluruh tanpa menghadkan ilmu-ilmu tertentu sebagaimana pengajian di institusi-institusi lain masa kini.

Menurut Rosnani Hashim (2004) juga, kurikulum di pondok diutamakan dengan metode menghafal dan mengingat, manakala disiplin di sini lebih tegas. Setiap lapisan masyarakat dialu-alukan untuk hadir ke kelas pengajian. Pada peringkat hafalan, para pelajar menghafal dan mengingatnya dengan betul terutama dalam ilmu nahu dan saraf. Peringkat kedua ialah peringkat menadah kitab yang mana mereka terpaksa membeli kitab-kitab sendiri, ini adalah kerana tiap-tiap penuntut mesti ada kitab semasa syarahan. Kitab bertulisan Jawi dan Arab yang diajarkan akan dibaca dari ayat-ke ayat dan diberi ulasan oleh tuan guru satu persatu (Rahim Abdullah, 1973). Abdullah Alwi Hassan (2003) menjelaskan bentuk pedagogi pengajian adalah berbentuk *banking concept* yang mana setiap kupasan guru akan dianggap sebagai kata putus dan akan dihafal sepenuhnya oleh seseorang pelajar. Menurut Rahim Abdullah (1973) juga, pelajar-pelajar diasuh dan dipupuk supaya apa sahaja yang tercatat dalam kitab itu diterima dengan tidak boleh disangkal lagi. Sekalipun konsep ini dianggap perkara yang lazim berlaku dalam pengajian di sini, akan tetapi keterbukaan kepada pegangan hukum-hakam sebenarnya lebih luas apabila berada pada tahap pengajian yang lebih tinggi.

Sekalipun kurikulum dan sukatan pengajian di pondok adalah daripada guru itu sendiri, akan tetapi mereka tetap mempunyai sukatan yang utama. Kurikulum adalah fiqh berdasarkan kepada mazhab Syafi'e dan akidah menurut aliran Asya'irah (Rosnani Hashim, 2004). Pendidikan Islam tradisional dikenali dengan sikap longgarnya terhadap soal kehadiran atau kumpulan umur pelajar-pelajarnya. Justeru dibolehkan bagi seseorang, tanpa mengira umurnya, untuk menyertai mana-mana kelas yang disukainya dan beralih ke kelas yang lebih tinggi apabila dia merasakan yang dia berkemampuan mengikut pelajarannya (al-Attas, 1992). Peperiksaan dan tawaran melanjutkan pelajaran tidak disediakan di sini. Justeru itu, tempoh berada di pondok bergantung kepada pelajar itu sendiri (Rosnani Hashim, 2004). Pelajar itu berkembang maju ke peringkat pendidikan yang diminatinya dan perkembangannya itu diperhatikan dengan hati-hati dan dinilai oleh gurunya samada secara langsung atau tidak langsung (al-Attas, 1992). Walaupun tanpa peperiksaan secara khusus, ini tidak menafikan wujudnya penilaian terhadap kemampuan dan peningkatan daripada pelajar. Galakan untuk mengadakan *group discussion (muzakarah)*, mengajar dalam kelompok yang kecil dan sebagainya adalah antara penilaian yang praktikal.

Menurut Nik Abdul Aziz Nik Hasan (1977), dalam konteks pengajian ilmu Islam, masa belajar agama itu pada keseluruhannya tidak terhad. Boleh dikatakan bahawa seorang tuan guru itu mengajar pagi, petang dan malam pada tiap-tiap hari. Di institusi pondok, sukatan dan jadual pengajian bergantung kepada guru. Dalam kebanyakan keadaan, kelas bermula selepas waktu Subuh sehingga pukul sebelas tengahari, selepas Zohor daripada pukul dua petang sehingga empat petang, selepas Maghrib sehingga pukul sepuluh malam. Guru tidak terlalu tegas dengan kehadiran pelajar dan kehadiran juga tidak direkod. Akan tetapi ketidakhadiran pelajar jarang berlaku kerana para guru dihormati dan para pelajar pula serius dalam pembelajaran (Rosnani Hashim, 2004). Selalunya bahasa yang digunakan oleh tuan guru ini ialah bahasa Melayu lama dan loghat Kelantan, serta mempunyai rentak irama tertentu. Bacaan kitab dimulakan dengan pujian-pujian kepada Allah dan Rasul, begitu juga masa penutup. Apabila penuntu-penuntut telah mahir dalam ilmu tatabahasa Arab, mereka akan mempelajari ilmu fiqh kemudian hadis-hadis pula dipelajari (Rahim Abdullah, 1973). Seumpama di pondok Tok Selehor, Tumpat, sistem pangajian pondok yang begitu bebas untuk membaca kitab adalah satu sistem yang cepat memberikan ilmu yang banyak kepada murid yang rajin dan tekun (Ismail Awang, 2007).

Pengajian Turath Di Madrasah Muhammadiyah

Institusi pondok merupakan intitusi pengajian Islam yang merangkumi pendidikan dan tarbiah yang melahirkan manusia yang taat dan berilmu. Hakikat ini jelas kerana penekanan di pondok bukan semata-mata belajar, tetapi serentak dengan penekanan dalam tarbiah, tunjuk ajar serta riadah rohaniah. Madrasah Muhammadiyah atau lebih dikenali dengan Pondok Sungai Durian antara yang meneruskan legasi pendidikan dan tarbiah tersebut. Madrasah Muhammadiyah ini memang tidak dapat dipisahkan dari sejarah pendidikan dan penyebaran ilmu di Kelantan khususnya dan Nusantara amnya. Ia merupakan sebuah institusi pendidikan agama yang terulung dan tertua di Ulu Kelantan. Ianya telah mengeluarkan ulama, cendekiawan, usahawan, penulis dan ahli politik yang matang dan berjaya.

Pondok Sungai Durian atau Madrasah Muhammadiyah Pondok Sungai Durian lebih dikenali dengan sebutan Pondok Haji Deraman oleh masyarakat umum, khasnya masyarakat setempat di Kuala Krai. Ianya merupakan Pondok termaju di Ulu Kelantan. Pondok ini merupakan pondok terulung dan salah satu pondok yang terus hidup beroperasi dan berkembang sehingga kini. Madrasah Muhammadiyah adalah satu-satunya pusat pengajian dan pendidikan Islam yang menggabungkan di antara aliran tradisional dan moden pada awal-awal penubuhannya lagi. Kedua-dua aliran adalah hasil cetusan pemikiran Haji Abdul Rahman sendiri sebagai pengasas pondok. Walaupun cara ini berbeza dengan sistem pengajian pondok atau madrasah yang sedia ada, tujuan beliau adalah untuk mengatasi masalah pelajar di samping memaju dan memperbaharui lagi pusat pengajian tersebut. Perjuangan beliau tidak setakat itu sahaja, bahkan diteruskan oleh generasi kedua iaitu anak-anak beliau. Aliran tradisional merupakan sistem pengajian kitab-kitab silam terdiri daripada ulama terkemuka sama ada dalam bahasa Melayu tulisan Jawi dan Arab. Manakala sistem sekolah moden pula mengkombinasikan antara sukatan Pondok Sungai Durian dan sukatan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

Madrasah Muhammadiyah ini telah ditubuhkan dengan rasminya pada 4 Jun 1958M bersamaan 1378H oleh Haji Abdul Rahman Bin Sulaiman, Hamzah Bin Jusuh dan Haji Muhammad Bin Haji Ahmad. Pendaftaran pondok ini dibuat di bawah MAIK dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dengan nombor 134 (dalam MAIK), 365/68 (kertas (MAIK). Madrasah Muhammadiyah ini telah diasaskan di Bukit Enggong Guchil, Kuala Krai pada tahun 1957 (Mohd Zahirwan Halim et. al., 2020). Ia dibina dengan pertolongan dan bantuan penduduk kampung serta kakitangan Jabatan Perhutanan dengan binaan daripada kayu tanpa mengenakan sebarang bayaran. Hasilnya pembinaan pondok tersebut berjalan dengan lancar walaupun tidak mendapat bantuan kewangan dari kerajaan.

Sistem Pengajaran Dan Pembelajaran

Sistem pengajian yang digunakan adalah gabungan dua aliran sistem pendidikan; sistem pondok yang menumpukan kepada pengajian kitab-kitab turath dan sistem persekolahan yang menggunakan sukatan pelajaran yang ditetapkan oleh Yayasan Islam Kelantan dan beberapa matapelajaran tambahan oleh pihak pondok. Bentuk pengajian *nizami* dan *umumi* seperti ini sememangnya telah diamalkan di Pondok Sungai Durian ini sejak awal penubuhannya dan ianya adalah cetusan idea oleh pengasasnya Haji Abdul Rahman (Mohd Zahirwan Halim et. al., 2019). Pada peringkat awalnya, pondok telah mempunyai sukatan pelajaran yang khusus. Penetapan mata pelajaran pada peringkat ini banyak mengikut model mata pelajaran yang diajar di pondok-pondok di Nusantara atau halaqat pengajian di Masjid al-haram, Masjid al-Madinah, di Timur Tengah, India dan Pakistan.

Menurut Zainuddin Che Seman (2021), pengajian mengikut sistem pondok biasanya diadakan selepas solat lima waktu. Sistem ini berlangsung setiap hari dalam seminggu dan ia mempunyai jadualnya yang tersendiri. Tetapi ia lebih berbentuk umum kerana pengajian ini diadakan di dalam masjid yang terletak di kawasan pondok. Cara pengajian ini yang mana pelajar akan membentuk halaqat mengikut pelajaran yang diajar dengan bimbingan seorang guru. Ataupun pelajar akan mengikut pengajian secara umum dengan seorang guru yang mengajar berpandukan kitab tertentu. Sistem tradisional amat diambil berat oleh pihak pentadbir kerana ia dianggap sistem yang amat berkesan untuk melahirkan generasi pelapis yang berwibawa. Untuk memastikan para pelajar boleh menguasai pengajian ini, sistem ini mengambil kira beberapa faktor utama seperti:

1. Teks pengajian didedahkan dengan mempelajari kitab-kitab silam atau turath sama ada yang dihasilkan oleh ulama Nusantara atau dari Timur Tengah.
2. Masa pembelajaran yang padat dan penggunaan masa yang terhad.
3. Aktiviti para pelajar selain daripada pembelajaran dipantau ketat oleh pihak pentadbir.

Kaedah pembelajaran bagi sistem tradisional ini ialah mempelajari kitab-kitab silam atau turath yang dibaca dari awal hingga akhir dengan satu persatu dan ini dibuat pada setiap mata pelajaran. Apabila berakhir bacaan sesebuah kitab, tuan guru akan membaca doa dan mengijazahkan (memberi kebenaran) kepada anak-anak murid sebagai perakuan terhadap ilmu yang dipelajari. Setiap pelajar juga dimestikan untuk menghafal matan-matan kitab dan memperdengarkan bacaan tersebut kepada guru masing-masing. Kebiasaannya matan yang diwajibkan ialah matan bagi matapelajaran nahu dan saraf kerana ini adalah asas dalam mempelajari ilmu-ilmu lain (Zainuddin Che Seman, 2021). Sistem pengajian cara lama di Madrasah Muhammadiyah ini menitikberatkan pelajaran Bahasa Arab dan ilmu-ilmu agama tanpa memberi penekanan kepada akademik kecuali sedikit sahaja. Oleh kerana itu, peluang pekerjaan bagi para pelajar ini agak terhad dan hanya dalam bidang keagamaan seperti guru agama, imam dan sebagainya.

Persekolahan di Pondok Sungai Durian berjalan selama lima hari dalam seminggu, bermula dari hari Ahad hingga hari Khamis. Setiap hari kelas akan bermula pada pukul 8.00 pagi dan berakhir pada pukul 1.00 tengah hari. Dalam masa tersebut, sebanyak 9 mata pelajaran yang diajar dan secara umumnya setiap mata pelajaran mengambil masa 40 minit. Pada keseluruhannya, mata pelajaran yang diajar di sekolah boleh dibahagikan kepada tiga kategori umum:

1. Bahagian bahasa Arab
2. Bahagian agama
3. Bahagian am

Menurut Mohd Nazri Mat Zin (2021), Pondok Sungai Durian menawarkan empat peringkat pengajian. Tempoh pengajian bagi setiap peringkat adalah berbeza mengikut tahap dan kelas atau tingkatan pelajar. Peringkat peralihan dikhususkan kepada pelajar baru yang lemah dalam pelajaran atau tiak mempunyai asas pendidikan agama atau bahasa Arab sebelum dimasukkan ke tingkatan satu. Pengajian secara kelas bermula dari kelas *tahdiri* selama 6 bulan, 6 tahun untuk *ibtidaiyyah*, 3 tahun *thanawiah* dan 3 tahun *aliah*. Pengajian ini mengambil masa 13 tahun pada peringkat awal penubuhan sehinggalah haji Abdul Rahman meninggal dunia.

Bagi memastikan kefahaman yang jelas kepada pelajar dalam usaha memindahkan ilmu pengetahuan, guru-guru di pondok ini menggunakan beberapa teknik dan pendekatan:

1. Teknik membaca: Cara ini digunakan sewaktu mengajar al-Quran. Guru yang mengajar akan membaca beberapa potongan ayat dengan diikuti oleh pelajar. Di samping itu terdapat juga para pelajar yang akan membacanya dan guru akan mendengar dan mengawasi bacaan tersebut. Kesalahan akan ditegur langsung semasa proses pembelajaran tersebut.
2. Teknik menghafaz: Teknik ini banyak melibatkan mata pelajaran al-Quran, Hadis, Fiqh, Tauhid, Nahu dan Saraf. Guru akan memperdengarkan kalimah-kalimah yang perlu dihafal dan pelajar akan mengikut secara beramai-ramai berulang kali sehingga mereka dapat menyebutnya tanpa bantuan guru.
3. Teknik ceramah dan penerangan: Guru akan menerangkan pengajaran dengan cara lisan. Teknik ini lebih berkesan jika disertakan dengan alat bantu mengajar yang sesuai. Teknik ini digunakan secara meluas bagi semua mata pelajaran di pondok ini.
4. Teknik perbincangan: Teknik ini digunakan apabila membincangkan sesuatu topik atau masalah untuk mencari penyelesaian. Pelajar berpeluang mengeluarkan idea masing-masing di samping bertukar-tukar pendapat antara satu sama lain.
5. Teknik demonstrasi: Guru akan menunjukkan kepada para pelajar cara yang betul untuk melakukan sesuatu dengan baik. Biasanya teknik ini digunakan dalam bidang ibadat dan akhlak. Ini dilakukan sama ada dengan soal jawab, memberi tugasan, latihan tubi dan *uswah hasanah*.

Susunan dan pemilihan kitab-kitab dipecahkan kepada dua kategori iaitu pengajian secara umum di masjid dan pengajian di dalam kelas. Namun, kesemua kitab yang diajar tidak mengenyakan konsep pengajian turath iaitu secara dari kulit ke kulit yang dipimpin oleh guru. Dengan keperluan dan arus permintaan semasa, Pondok Sungai Durian ni telah menubuhkan pengajian tahfiz bermula tahun 2016. Para pelajar bukan sahaja menghafal al-Quran tetapi perlu juga mengikuti pengajian kitab yang disediakan oleh pihak pondok (Mohd Zahirwan Halim, 2020).

Pengajian Turath Di Madrasah Rahmaniah

Salah satu institusi pengajian pondok yang diasas sebelum daripada merdeka adalah Madrasah Rahmaniah dan lebih dikenali dengan nama Pondok Lubuk Tapah. Institusi ini terletak di Kampung Lubuk Tapah Pasir Mas, Kelantan. Legasi penerus bagi institusi ini menjadikan ia antara pondok yang lama bertapak di Kelantan dan masih kekal dengan sistem turath sehingga sekarang. Madrasah Rahmaniah ditubuhkan pada tahun 1931M sekembalinya Haji Abdul Rahman ke tanahair setelah menimba ilmu di Mekah selama lebih kurang empat tahun. Beliau di bantu oleh Haji Abdul Rahman bin Haji Ngah yang merupakan guru al-Quran ketika itu dan merupakan besan beliau. Idea tersebut timbul hasil daripada penelitian dan pengamatan *almarhum* sendiri betapa pentingnya mewujudkan sebuah pondok dalam masyarakat pada waktu itu lebih-lebih lagi untuk masa akan datang. Ini adalah untuk penerusan ilmu-ilmu yang telah dipelajarinya (Ahmad Hassan, 2005).

Penubuhan sesebuah institusi pengajian mempunyai matlamat tersendiri yang ingin dicapai. Institusi pondok juga tidak ketinggalan dalam menetapkan matlamatnya tersendiri. Melalui matlamat yang jelas, perjalanan pengajaran dan pembelajaran di pondok akan lebih tersusun dan terarah dengan jelas. Bermula daripada diasasnya Pondok Lubuk Tapah, hasrat Haji Abdul Rahman adalah untuk memberi khidmat kepada masyarakat dengan ikhlas dari sudut ilmu-ilmu keagamaan (Muhammad Jusoh, 1994/95).

Kelancaran perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran di mana-mana institusi pengajian bergantung kepada pengurusan yang cekap dan sistematik. Pengurusan yang baik akan membantu perjalanan sesebuah institusi pengajian termasuklah institusi pengajian pondok. Di Madrasah Rahmaniah ini, pentadbirannya diselia oleh pengetua yang merangkap tuan guru pondok tersebut. Dalam masa yang sama beberapa pembantu dilantik bagi meringankan pengurusan. Institusi pondok ini telah melalui tiga fasa pentadbiran yang pada awalnya dikelolakan secara penuh oleh Haji Abdul Rahman sendiri. Pertukaran kuasa tadbir kepada anak beliau, Haji Abdullah berlaku pada tahun 1968 dan setelah kematian beliau diganti pula oleh anak beliau, cucu kepada Hj. Abdul Rahman iaitu Dr. Luqman bin Haji Abdullah.

Sistem Pengajaran Dan Pembelajaran

Institusi pengajian pondok masih mengekalkan sistem pengajian yang berkonsepkan *halaqah* iaitu para pelajar mengelilingi guru dan duduk dalam keadaan bersila dan seumpamanya. Sistem pengajian seperti ini menjamin ketulenan ilmu dari sudut penyampaian dan juga kefahaman. Pondok Lubuk Tapah antara institusi pengajian pondok yang masih mengekalkan sistem pengajian dari awal penubuhannya sehinggalah kini. Pondok ini mengekalkan bentuk pengajian cara pondok tradisional sekalipun terdapat kemudahan dari sudut lain selaras dengan peredaran masa. Ini bagi menjamin ketulenan ilmu yang disampaikan dengan dibaca dari satu perkataan kepada perkataan yang seterusnya dan kemudiannya dihuraikan oleh guru tersebut (Ahmad Murshidi, 2014).

Skop pengajian di pondok ini merangkumi hampir kesemua bidang asas pengajian Islam seperti al-quran, tauhid, fiqh, tasawuf, tafsir, hadis, sirah, nahu, saraf, balaghah dan lain-lain. Ilmu-ilmu tersebut diajar meliputi kitab-kitab klasik karangan ulama-ulama silam yang muktabar dalam bahasa Arab dan Melayu bertulisan Jawi (Pamphlet Pondok, t.t). Sistem *umumi* dikekalkan sehingga sekarang di pondok ini dan ditambah pengajian tahfiz untuk kesesuaian semasa dan permintaan pasaran. Pengkelasan pengajian di Pondok Lubuk Tapah dibahagi kepada empat tahap (Pusat Pembangunan Pondok Berhad, 2013):

1. Tahap satu: Merupakan kelas rendah dan pada tahap ini dikhususkan kepada pelajar yang baru hendak belajar membaca dan menulis Jawi.
2. Tahap dua: Tahap ini adalah kelas peralihan untuk pelajar yang baru pandai membaca dan menulis Jawi. Mereka kebiasaannya mempelajari kitab-kitab Jawi yang rendah dan mudah difahami.
3. Tahap ketiga: Kelas menengah ini menyediakan pengajian kitab-kitab Jawi yang agak tinggi khusus bagi pelajar yang sudah pandai membaca dan menulis Jawi dengan lancar. Mereka juga didedahkan dengan ilmu tatabahasa Arab ataupun pengajian nahu saraf. Para pelajar akan terdedah dengan pengajian matan-matan bagi tatabahasa Arab, fiqh serta usuluddin.
4. Tahap keempat: Pada tahap ini, pelajar diajar kitab-kitab arab yang dipanggil juga kelas tinggi atau kelas Arab. Kebanyakan pengajian pada tahap ini diajar sendiri oleh tuan guru. Kebiasaan kelas ini bukan sahaja dihadiri oleh pelajar pondok berkenaan akan tetapi turut hadir adalah masyarakat luar dari pondok tersebut yang terdiri daripada pelajar pondok lain, para pengajar dan juga masyarakat awam.

Para pelajar juga diwajibkan menghafal matan-matan kitab yang merupakan asas kepada sesuatu ilmu yang telah disusun oleh ulama silam. Waktu pengajian yang berbeza dengan institusi-institusi pengajian lain yang mana di institusi pondok, pengajian bermula seawal waktu Subuh secara formal dan berterusan sehingga waktu Zohor. Kebiasaan para pelajar diberi rehat awal sebelum masuk waktu Zohor dan digalakkan untuk tidur seketika yang diistilahkan dengan

qailulah. Pengajian diteruskan selepas Zohor sehingga waktu Asar. Bagi sesetengah tahap pengajian terutamanya tahap awal, para pelajar masih perlu menghadiri kelas selepas Asar. Sesetengah pelajar yang lain menggunakan waktu selepas Asar untuk pengajian tambahan samada di masjid, pondok-pondok kediaman ataupun di madrasah. Pengajian selepas Maghrib diwajibkan kepada para pelajar pondok dan turut dihadiri oleh masyarakat luar yang diadakan di masjid. Pengajian selepas Isyak kebiasaan akan berlanjutan sehingga sekitar pukul 11.00 malam. Jadual pengajian yang padat ini dapat mendisipinkan para pelajar di samping mendalami ilmu-ilmu agama yang pelbagai berpandukan karangan-karangan ulama silam.

Umumnya pengajian di pondok tidak menghadkan tempoh masa tertentu dan menggunakan kitab-kitab yang telah ditetapkan. Di Pondok Lubuk Tapah ini, silibus pengajiannya adalah berdasarkan ketetapan pihak pondok sendiri yang merangkumi semua bidang seni agama termasuk kitab, jawi dan Arab, Usuludin, Feqah, hadis, tauhid dan tasawuf (Hidayatidayu Razali, 2022).

Kesimpulan

Institusi-institusi pondok yang ditubuhkan mempunyai matlamat yang hampir sama iaitu untuk memastikan sistem pengajian pondok ataupun sistem *turath* dipertahankan dari generasi ke generasi. Inilah tradisi bentuk pengajian silam iaitu dalam bentuk *halaqah* dan mengkhataamkan kitab-kitab dari kulit ke kulit. Keadaan ini berbeza dengan bentuk pengajian di institusi pengajian awam kini yang lebih kepada bentuk kuliah. Kedua-dua sistem ini mempunyai kelebihan masing-masing, akan tetapi sistem pengajian *turath* yang diamalkan di institusi pondok mampu memberikan kefahaman ilmu yang mendalam kepada para pelajar cuma sistem ini mengambil masa yang lama.

Kedua-dua institusi pondok tersebut iaitu Madrasah Muhammadiyah, Sungai Durian dan Madrasah Rahmania, Lubuk Tapah adalah penyumbang yang besar kepada keilmuan Islam melalui pengajian *turath* yang meneruskan legasi pengajian secara *talaqqi*. Sistem pengajian ini bukan sahaja mampu melahirkan tokoh ilmunan Islam yang memahami disiplin ilmu dengan baik, bahkan mampu mentarbiah adab serta akhlak yang terpuji sebagai seorang muslim. Intipati pengajian *turath* merangkumi aspek ilmu, rohani dan juga emosi yang merupakan antara daripada keseimbangan yang ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Ini menunjukkan sistem pengajian yang diterapkan dalam institusi pengajian pondok tidak bertentangan bahkan selari dengan falsafah yang diterapkan oleh pihak kerajaan untuk melahirkan insan kamil.

Rujukan

- Abdul Halim Ahmad. 1975. *Perkembangan Pendidikan Islam Tradisional di Kelantan dan Peranannya di Dalam Masyarakat*, dalam Khoo Kay Kim (pnyt) (1982), *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*, Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn. Bhd, cet.1.
- Abdul Jalil Borhan. 1996. *Sumbangan Ulama dalam Perkembangan Islam di Alam Melayu*, jurnal syariah, jld. 4, bil. 2, Julai, terbitan Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abdullah al-Qari. 2009. *Tuk Kenali Penggerak Ummah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Alwi Hassan. 2003. *Pengajian Dan Pengamalan Undang-Undang Islam Di Malaysia: Antara Tradisi Dan Moderniti*, (Syarahan Pengukuhan Profesor Untuk Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), 7 Julai 2003.

- Abdullah Muhammad Zin et. al. 2005. *Pendidikan Islam di Malaysia Dari Pondok Ke Universiti*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, cet. 1.
- Ahmad Hassan. 2005. *Sumbangan Pengajian Hadis terhadap Pembinaan Insan: Suatu Kajian di Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas*, disertasi, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Ahmad Mohd Salleh. 2008. *Pengajian Agama Islam dan j-QAF, Metodologi dan Pedagogi Pendidikan*, Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Ahmad Munawar Ismail et. al. 2012. Islam Dalam Pendidikan Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu. *Jurnal Hadhari*. Univeriti Kebangsaan Malaysia, Edisi Khas.
- Ahmad Murshidi Mustapha. 2014. Metodologi Haji Abdul Rahman Lubuk Tapah Dalam Pengajian Fiqh: Kajian Terhadap Kitab Pedoman Solat Berjemaah. Tesis Master. Universiti Malaysia Kelantan.
- Ahmad Zaki Berahim & Mohd Roslan Mohd Nor. 2009. *Tuan Tabal (M. 1891) Dan Sumbangannya Dalam Perkembangan Islam Di Tanah Melayu*, *Jurnal Al-Tamaddun* Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, bil. 4.
- Ahmad Zaki Berahim et.al. 2012. *Malay Text Minhat Al-Qarib by Tuan Tabal (D. 1891): A Reading on Fiqh munakahat and Ibadat*, *Middle-East Journal of Scientific Research* 11, IDOSI Publications, j. 9.
- Buku teks kursus TITAS untuk Institut Pengajian Tinggi. 2001. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hidayatidayu Razali. 2022. Jasa Pondok Lubok Tapah berusia 91 tahun. Laman sesawang My Metro <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/04/835355/jasa-pondok-lubok-tapah-berusia-91-tahun-metrotv>. Tarikh akses 20 Ogos 2022.
- Ismail Awang. 2007. *Haji Ali Pulau Pisang 1899-1968*, dalam Ismail Che Daud (pnyt), *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung (2)*, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, cet. 2.
- Ismail Awang. 2007. *Haji Ghazali Pulai Chondong 1916-1969*, , dalam Ismail Che Daud (pnyt), *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung (2)*, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, cet. 2.
- Ismail Awang. 2007. *Haji Hasan Keterah 1909-1977*, dalam Ismail Che Daud (pnyt), *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung (2)*, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, cet. 2.
- Ismail Awang. 2007. *Haji Mat Pauh 1905-1973*, dalam Ismail Che Daud (pnyt), *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung (2)*, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, cet. 2.
- Ismail Awang. 2007. *Haji Nik Man Khatib 1911-1968*, dalam Ismail Che Daud (pnyt), *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung (2)*, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan., cet.2.
- Ismail Awang. 2007. *Haji Wan Abdul Kadir Melor*, dalam Ismail Che Daud (pnyt), *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung (2)*, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, cet. 2.
- Ismail Awang. 2007. *Haji Mat Tubuh 1904-1971*, dalam Ismail Che Daud (pnyt), *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung (2)*, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, cet. 2.
- Ismail Awang. 2007. *Haji Salleh Pedada 1894-1983*, dalam Ismail Che Daud (pnyt), *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung (2)*, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, cet. 2.
- Laman sesawang www.pondoksgdurian.com/index.php. Tarikh akses 11 Disember 2013.

- Lokman Abdullah. 2011. *Latest Development Of Traditional Islamic Education In Kelantan*, Kertas Kerja International Technology, Education and Development Conference, 7-9 Mac 2011, Valencia, Sepanyol.
- Mahayudin Yahaya. 2005. *Tamadun Islam*, edisi semakan, Sham Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Md Ramly Mahmood. 2005. *Peranan Pondok dalam Pendidikan Islam di Kelantan: Suatu Kajian di Pasir Mas, Kelantan*, tesis sarjana, Jabatan Syariah dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Mohd Alwee Yusoff. 2009. *Perkembangan Pengajian Bahasa Arab di Kelantan: Kajian Terhadap Sumbangan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani*, tesis sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Mohd Izzuddin Ramli & Mohamad Zaini Abu Bakar. 2013. *Kearifan Tempatan Dalam Institusi Sekolah Pondok: Kajian Kes Malaysia*, kertas kerja Persidangan serantau Kearifan Tempatan 2013 (RCLK3) Sutra Beach Resort, Kuala Terengganu pada 6-7 Oktober 2013.
- Mohd Pakhrudin Abdullah. 2003. *Pengajian Ilmu Fiqh di Pondok Pasir Tumbuh: Suatu Kajian Terhadap Metodologi dan Keberkesanannya*, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Mohd Roslan Mohd Nor et.al. 2012. *Islamic Educational System in Kelantan, Malaysia: Traditional and Modern Approaches*, Middle-East Journal of Scientific Research 11, IDOSI Publications, j. 9.
- Mohd Sukeri Hamid. 2004. *Institusi Pendidikan Islam di Kelantan: Suatu Kajian Mengenai Sejarah Perubahan Dari Sistem Pondok ke Sistem Sekolah*, disertasi sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Mohd Zahirwan Halim et. al. 2020. Modernizing Education System in Pondok Sungai Durian, Kuala Krai, Kelantan. Jurnal Intelek, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis. Vol. 15, bil. 1.
- Mohd Zahirwan Halim et. al. 2019. The Implementation of Halaqah Method at Madrasah Muhammadiyah, Pondok Sungai Durian, Kuala Krai, Kelantan. International Journal Of Academic Research IN Business And Social Sciences.vol 9. Bil. 10.
- Muhammad bin Jusoh. 1994/1995. *Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Haji Che Wan Seorang Tokoh Ulama Pondok (1902-1989)*, latihan ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Abdul Aziz Nik Hasan. 1977. *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan*, Kota Bharu: Terbitan Pakatan Keluarga Tuan Tabal, cet. 1, h. 106
- Pamphlet Madrasah al-Rahmaniah al-Diniah, Lubuk Tapah, Pasir Mas, Kelantan
- Pusat Pembangunan Pondok Berhad. 2013. Maklumat Pondok Lubuk Tapah. <https://epondok.wordpress.com/2013/12/29/maklumat-pondok-lubuk-tapah/>. Tarikh akses 20 Ogos 2022.
- Rahim Abdullah. 1973. *Pelajaran Pondok Di Kelantan*, dalam Khoo Kay Kim (pnyt), *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Ramli Awang. 2006. *Perkembangan Institusi Pondok di Nusantara Pengaruhnya di Negeri Kedah*, penerbitan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, cet. 1.
- Rosnani Hashim. 2004. *Education Dualism in Malaysia*, Kuala Lumpur: The Other Press, cet. 2.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1992. *Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam*, Samsudin Jaapar (pntrjmh), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, cet. 1.
- Syed Sajjad Husain & Syed Ali Ashraf. 1979. *Crisis In Muslim Education*, King Abdul Aziz University, Jeddah.
- Temubual Abdul Rahim Abdul Rahman, Pondok Lubuk Tapah, pada 29 Februari 2012.
- Temubual Luqman Abdullah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri, pada 25 Februari 2012.

Temubual Mat Daud Che Wan, Pondok Lubuk Tapah, pada 29 Februari 2012.

Temubual Mohd Nazri Mat Zin. Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan. 19 Oktober 2021.

Temubual Zainuddin Che Seman. Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS). 19 Oktober 2021.